



SIARAN MEDIA

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)

“INSENTIF PERCUMA RM50 DAN CABUTAN RM100,000 GANDAKAN KEISTIMEWAAN SSPN”

(PENDIDIKAN)

1. Pendidikan merupakan aset utama dalam pelaksanaan pembangunan negara. Mengabaikan kepentingan pendidikan bererti mengekang pencapaian negara dan menyekat keperluan individu. Kepentingan dalam pendidikan ini dapat dilihat dengan jelas apabila peruntukan terhadap perbelanjaan dalam bidang pendidikan mencatatkan jumlah yang tinggi bertujuan menghasilkan modal insan yang berguna pada masa hadapan.

2. Peningkatan kecemerlangan di dalam keputusan peperiksaan di sekolah rendah dan menengah. Ini menunjukkan semakin ramai yang layak untuk ke menara gading. Bagi memastikan lebih ramai mempunyai peluang ke institusi pengajian tinggi, bilangan tempat dan kemudahan di institusi pengajian tinggi sentiasa ditambah. Bukan itu sahaja, selain menyediakan tempat untuk belajar, Kerajaan turut memikir dan menyediakan kemudahan bagi membantu pelajar dalam bentuk sokongan kemudahan kewangan. Untuk itu, **Kerajaan telah mewujudkan PTPTN sebagai sebuah agensi pembiaya utama negara untuk tujuan pendidikan tinggi.**

(TABUNG PENDIDIKAN)

3. Penubuhan PTPTN bermula semenjak tahun 1997 yang merupakan iltizam Kerajaan dalam menjayakan pendemokrasian pendidikan bagi membolehkan lebih ramai rakyat Malaysia mempunyai akses kepada pengajian tinggi.

4. Fungsi PTPTN bukanlah hanya memberikan pinjaman semata-mata tetapi juga sebagai institusi penabungan pendidikan melalui Skim Simpanan Pendidikan Nasional iaitu SSPN-i dan SSPN-i Plus. Usaha proaktif PTPTN dalam mentransformasikan minda masyarakat Malaysia untuk membuat penabungan pendidikan merupakan suatu tindakan yang amat baik dan murni dan perlu disambut oleh segenap lapisan masyarakat Malaysia.

5. Dalam konteks ini, PTPTN dilihat sebagai TABUNG PENDIDIKAN untuk rakyat Malaysia. Sekiranya ingin mengerjakan haji, ada Lembaga Tabung Haji. Sekiranya ingin ada simpanan apabila telah bersara, ada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Maka, sekiranya ingin melihat anak-anak berjaya mendapat pendidikan tinggi, ada PTPTN - TABUNG PENDIDIKAN Anda.

(SSPN-i/ SSPN-i PLUS PELAN SIMPANAN TERBAIK)

6. Kewujudan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i/ SSPN-i Plus) sememangnya merupakan suatu anugerah kepada rakyat Malaysia kerana instrumen ini merupakan pelan simpanan terbaik yang disediakan untuk rakyat yang bergelar warganegara Malaysia. Rakyat beragama Islam juga tidak perlu khuatir kerana skim simpanan pendidikan daripada PTPTN ini adalah produk yang sentiasa berpandukan kepada sistem kewangan yang patuh syariah menggunakan konsep Wakalah Bil Istithmar, tambahan pula simpanan ini dijamin oleh Kerajaan.

7. Bagi memastikan amalan menabung menjadi keutamaan masyarakat Malaysia, PTPTN mengetengahkan satu lagi idea bagi meringankan dan memudahkan amalan menabung. Dengan menabung bagi tujuan simpanan pendidikan, masa depan anak-anak akan terjamin kerana memperoleh **perlindungan takaful yang amat murah dan komprehensif**. Jadi sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini kepada ibu bapa seperti kematian atau keilatan kekal, masa depan pendidikan anak-anak akan terjamin sekiranya menyimpan dalam skim simpanan PTPTN ini kerana ianya mempunyai perlindungan takaful.

8. Bagi ibu bapa yang menyimpan di dalam produk simpanan SSPN-i Plus, mereka **diberikan perlindungan takaful daripada RM40,000 sehingga RM1Juta** bagi setiap anak. Ini terbukti, apabila saya difahamkan oleh pihak PTPTN bahawa pada Januari 2017 yang lalu, mereka telah pun **memberikan manfaat takaful dan khairat kematian** berjumlah **RM170,037.20** kepada **waris salah sebuah keluarga berbangsa Melayu di Besut, Terengganu**. Pendeposit yang merupakan seorang ibu telah meninggal dunia kerana kemalangan, meninggalkan anak-anaknya yang masih bersekolah. Untuk itu, **perlindungan takaful yang diterima ini dapat digunakan oleh anak-anak untuk tujuan pendidikan mereka tanpa rasa gusar**. Inilah bukti bahawa **produk simpanan SSPN-i Plus ini perlu disambut dan dipilih oleh masyarakat Malaysia**.

9. Terdapat banyak keistimewaan lain yang akan diperolehi apabila ibu bapa memilih SSPN-i atau SSPN-i Plus. Setiap simpanan mempunyai **keistimewaan dan manfaat yang berganda** kepada pendeposit. Kadar **dividen yang diberikan adalah amat kompetitif** berbanding yang diberikan oleh lain-lain institusi kewangan. Sehingga kini, **kadar dividen yang diberikan pernah mencecah sehingga 4.25%**. Ibu bapa yang membuat penabungan pula diberikan **pelepasan taksiran cukai sehingga RM12,000 setahun**. Pelepasan taksiran cukai yang diberikan ini membuktikan bahawa ternyata skim simpanan ini amat istimewa. Saya menyeru agar rakyat Malaysia mengambil peluang memulakan penabungan dan seterusnya menikmati keistimewaan ini.

10. **Sehingga 30 September 2017**, terdapat sebanyak **3.10 juta akaun** dibuka dengan **jumlah deposit simpanan sebanyak RM2.94 bilion**. Ibu bapa yang belum mempunyai perancangan kewangan pendidikan perlu memulakan langkah penabungan pada hari ini. Manakala, yang telah mempunyai penabungan meneruskan usaha penabungan secara konsisten. Rasulullah s.a.w bersabda yang bermaksud :

‘Sebaik-baik amalan itu dilakukan berterusan walaupun sedikit’.

Riwayat Bukhari dan Muslim

11. Jadi, apa yang penting adalah amalan penabungan yang berterusan atau istiqamah kerana sedikit demi sedikit, lama-lama jadi bukit.

(CABUTAN WOW! 20 TAHUN)

12. PTPTN melancarkan Cabutan WOW! 20 Tahun PTPTN kepada semua pendeposit SSPN-i dan SSPN-i Plus yang membuat pembukaan atau penambahan akaun. Lebih 2,500 hadiah bernilai RM500,000 telah disediakan untuk pendeposit. Cabutan WOW! 20 Tahun PTPTN merangkumi Cabutan Bulanan dan Cabutan Istimewa yang diadakan sempena ulangtahun ke-20 penubuhan PTPTN bermula pada tahun 1997 hingga 2017.

13. Hadiah sehingga RM100,000 melalui Cabutan Istimewa disediakan untuk ibu bapa yang membuka akaun dan menambah simpanan di dalam SSPN-i Plus. **Tempoh tamat adalah pada 31 Oktober ini iaitu 11 hari sahaja lagi**. Rata-rata masyarakat Malaysia suka menunggu di sat-saat akhir dan budaya ini perlu dielakkan dalam menabung. Menabung seharusnya dilakukan sedari awal. Kita sebagai rakyat Malaysia tidak seharusnya melepaskan peluang yang diberikan begitu sahaja dalam membuat simpanan untuk masa depan pendidikan anak-anak.

14. Pendeposit **SSPN-i dan SSPN-i Plus** pula layak memenangi **hadiah utama Cabutan Bulanan** sebanyak RM10,000 pada setiap bulan. Cabutan bulanan juga khusus untuk pembukaan akaun atau penambahan simpanan bagi pelajar Tahun 1 2017. Jadi ibu bapa yang mempunyai anak Tahun 1 perlu berebut peluang RM10,000 setiap bulan yang telah disediakan.

(INSENTIF KHAS PELAJAR TAHUN 1/BUDAYA MENABUNG)

15. Penabungan bagi tujuan pendidikan ini amat penting dalam memastikan cita-cita anak-anak kita tercapai. Penabungan juga perlu dirancang dan dimulakan seawal usia bagi memastikan pulangan yang lebih tinggi dan menguntungkan. Kerajaan sedar tentang pentingnya pembudayaan amalan menabung untuk pendidikan tinggi bagi mengelakkan keciciran anak-anak untuk melanjutkan pengajian dan juga bagi mengelakkan beban keberhutangan yang tinggi di kalangan mereka.

16. **YAB Dato' Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia**, semasa pembentangan **Belanjawan Negara 2017** pada 21 Oktober 2016 yang lalu telah mengumumkan bahawa Kerajaan menyediakan pemberian **Insentif Khas Geran Sepadan** bagi simpanan terkumpul sehingga RM50 dalam akaun **SSPN** kepada pelajar Tahun 1 sekolah bantuan penuh Kerajaan.

17. Ini bermakna bermula 1 Januari 2017 mana-mana ibu bapa atau penjaga yang membuat simpanan untuk anak-anak mereka yang merupakan pelajar Tahun 1 sekolah bantuan penuh Kerajaan akan menerima tambahan keistimewaan iaitu Insentif Khas Geran Sepadan ini iaitu simpanan percuma bernilai RM50. Sehubungan itu, menjadi tanggung jawab Ibu bapa memainkan peranan agar memastikan masa depan pendidikan anak-anak mereka lebih terjamin dengan memilih Skim Simpanan Pendidikan Nasional sebagai penabungan untuk anak-anak. SSPN #Percuma50.

18. Pada hari ini, seramai 480 pelajar tahun 1 dalam kategori B40 di sekolah bantuan penuh kerajaan melibatkan 19 buah sekolah di Parlimen Titiwangsa sangat bertuah kerana PTPTN turut memberikan sumbangan tanggungjawab sosial korporat berupa deposit akaun SSPN-i berjumlah RM24,000. Setiap pelajar akan menerima sumbangan RM50 daripada PTPTN dan RM50 tambahan akan diberikan oleh Kerajaan melalui PTPTN sebagai insentif khas Geran Sepadan yang telah diumumkan oleh Perdana Menteri.

19. Diharapkan sumbangan ini dapat menjadi pemangkin kepada ibu bapa untuk memula dan meneruskan penabungan dan seterusnya menabung secara konsisten. Ia juga diharap dapat memberikan suntikan motivasi kepada para pelajar untuk lebih bersungguh-sungguh mengulangkaji pelajaran dan meneruskan pengajian sehingga ke menara gading. Terima kasih diucapkan kepada PTPTN.

20. Menerusi insentif khas geran sepadan RM50 ini seharusnya menjadi **pemangkin kepada ibu bapa untuk langkah awal penabungan dan terus secara konsisten menabung untuk anak-anak.** Anak-anak akan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai kejayaan dalam akademik dan menanam **azam yang kuat untuk meneruskan pengajian ke peringkat menara gading.** Amalan menabung di kalangan anak-anak perlu diterapkan seawal usia mereka.

21. **PTPTN bukan hanya menyediakan pembiayaan apabila pelajar ingin menyambung pengajian di peringkat lebih tinggi malah turut turun padang membantu masyarakat yang memerlukan.** Hari ini juga, warga di kawasan Parlimen Titiwangsa khususnya di PPR Perkasa ini amat bertuah kerana PTPTN telah turun padang melaksanakan Mini Karnival dengan pelbagai aktiviti yang menarik dan bermanfaat.

22. Usaha PTPTN ini sewajarnya dipuji kerana tanpa program *outreach* sebegini, masyarakat tidak akan sedar akan pentingnya penabungan untuk tujuan pendidikan. **Sehubungan itu, terbukti PTPTN tidak seharusnya dilabelkan sebagai pemungut hutang semata-mata. Persepsi negatif ini sememangnya harus dikikis daripada pandangan dan pemikiran masyarakat pada hari ini.**

23. Tidak ketinggalan, peranan **pihak media juga penting** dalam menyampaikan informasi berkaitan penabungan. Media berperanan **mewar-warkan kepada rakyat Malaysia berkaitan kempen dan pembudayaan menabung yang dapat memberi manfaat kepada rakyat Malaysia.** Jika usaha ini diteruskan secara konsisten tidak mustahil penabungan bersama Tabung Pendidikan ini akan mendapat sambutan yang memberangsangkan. Kempen menabung dapat dilaksanakan dengan jayanya sekiranya semua pihak memberi kerjasama dan memainkan peranan masing-masing.

24. **PTPTN menjadi pilihan utama rakyat Malaysia** bagi membuat **perancangan kewangan yang lebih awal dan berpanjangan** untuk **tujuan pendidikan** kerana ia merupakan **'TABUNG PENDIDIKAN'** utama negara. **PTPTN merupakan 'TABUNG PENDIDIKAN'** untuk semua rakyat Malaysia tidak mengira kaum, agama dan bangsa.

25. **Mulakan langkah menyimpan di dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional yang merupakan skim simpanan terbaik di bawah PTPTN 'TABUNG PENDIDIKAN' yang sudah tentu menjamin kesinambungan pendidikan anak-anak kita.#JomMenabung.**

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional

21 Oktober 2017